

e-BULETIN BIL.2 2026 APRIL - JUN

JAS

JABATAN ALAM SEKITAR



PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR

ANTARA INSITUSI PENDIDIKAN TINGGI KE-32



JOHAN | RM12,000 | Piala Pusingan dan Piala Iringan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



NAIB JOHAN | RM7,000 | Piala Iringan

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

f i x y d JABATAN ALAM SEKITAR





Kumpulan
Editorial



PENASIHAT

Nor Aziah Binti
Jaafar S.I.S



KETUA EDITOR

Salkiah binti
Mohamad
Salleh Tan



EDITOR

Ts. Ir. Shazana
binti Mohd
Ibrahim



EDITOR

Zainirul Ailis
binti Mustafa

ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS

3

APRIL 2026

BENGKEL ANALISIS SPATIAL DALAM PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN ALAM SEKITAR	4
BENGKEL PENILAIAN DAN PEMANTAPAN PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA) JAS	5-6
BENGKEL SEMAKAN SEMULA PROSEDUR TETAP OPERASI (PTO) PENGURUSAN NOTIFICATION POLLUTION ALERT (NPE) SUNGAI DI BAWAH PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR (EQMP)	7-8
SIDANG MEDIA BERHUBUNG PELAKSANAAN OPERASI OPS HAZARD 3.0	9-10
SESI KONSULTASI MALAYSIA-JAPAN COOPERATION ON FLUOROCARBON MANAGEMENT BAGI PENGURUSAN KITARAN HAYAT REFRIGERAN (LIFE CYCLE REFRIGERANT MANAGEMENT)	11-12
PROGRAM ENVIRO HIKING SEMPENA HARI BUMI 2026 "OUR POWER, OUT PLANET"	13-14
SEMINAR "PARADIGMA AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS) 1974: SATU SUARA, SATU MISI, ALAM LESTARI"	15-16
MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI (SAM) TAHUN 2026	17
PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI 2026	18
BENGKEL PENYELARASAN DAN PENGUKUHAN ICT TAHUN 2026 BAGI JABATAN ALAM SEKITA	19

MEI 2026

SESI LIBAT URUS PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PEWAKILAN KUASA KEPADA AGENSI KERAJAAN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN PERBADANAN) 2025 - PENYEDIAAN SOP SITAAN, PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN EKSIBIT	20
SESI LIBAT URUS SEMAKAN SEMULA PELAN KONTINGENSI TUMPAHAN MINYAK MALAYSIA (MOSCoP) SIRI 1/2026	21
MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI ALAM SEKITAR (MEXCOE) BIL. 1/2026	22-23
PROGRAM JOM BACA 10 MINIT	24
KAJIAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) BERKAITAN PENGUATKUASAAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DALAM PROSES PEMERIKSAAN DAN KELULUSAN KEMASUKAN KONTENA MELIBATKAN E-WASTE DI NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL, PULAU PINANG	25-26
MALAYSIA-SINGAPORE JOINT COMMITTEE ON THE ENVIRONMENT EXPERT GROUP (MSJCE EG) ON VEHICULAR EMISSIONSMALAYSIA DAN SINGAPURA PERKUKUH KERJASAMA MELALUI MSJCE EG ON VEHICULAR EMISSIONS	27-28

JUN 2026

PERTANDINGAN MEWARNA KANAK-KANAK SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2026	29
MESYUARAT GERAK KERJA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026	30
PROGRAM TURUN PADANG YBGH. DATUK WIRA KSU NRES KE PELABUHAN KLANG	31-32
INFOGRAFIK OPS HAZARD 3.0: TINDAKAN TEGAS TERHADAP E-WASTE HARAM!	33
MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK JEREBU DAN CUACA KERING KEBANGSAAN BIL. 1/2026	27
JAS SELESAI "OPS BONGKAR KONTENA" 103 KONTENA E-WASTE DIPERIKSA	28
KENYATAAN MEDIA	29
MEMUPUK KELESTARIAN ALAM: PROGRAM HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA DI BAZAR RAMADAN 2026	30-31
UCAPAN TAHNIAH KEPADA YBGH DATUK WIRA ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN @ MOHD ZAINUDDIN	32
DEWAN NEGARA LULUS RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2026	34
SESI PENERANGAN DARI DELEGASI JAPAN AUTOMOBILE STANDARDS INTERNATIONALIZATION CENTRE (JASIC), BERSAMA MOTORCYCLE & SCOOTER ASSEMBLERS AND DISTRIBUTORS ASSOCIATION OF MALAYSIA (MASAAM) BERKENAAN STATUS SEMASA GERAK KERJA PEMBANGUNAN DRAF UNR40-03 – PEMBANGUNAN STANDARD PELEPASAN EURO 4 BAGI MOTOSIKAL BAHARU DI BAWAH PERATURAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU NOMBOR 40 (UNITED NATION REGULATIONS 40)	35-36
BENGKEL ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) MENGGUNAKAN PLATFORM GOOGLE GEMINI	37

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS DAN IBU PEJABAT JAS

38-42

WORD SEARCH PUZZLE

43

PRAKATA KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, e-Buletin Jabatan Alam Sekitar (JAS) Bilangan 2 Tahun 2026 berjaya diterbitkan sebagai wadah perkongsian maklumat mengenai pelbagai program, inisiatif, pencapaian dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Jabatan sepanjang tempoh ini.

Tahun 2026 terus menyaksikan JAS memainkan peranan penting dalam memperkukuh tadbir urus alam sekitar negara melalui pendekatan yang lebih proaktif, bersepadu dan berpaksikan data. Dalam mendepani cabaran alam sekitar yang semakin kompleks, Jabatan sentiasa komited untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan negara dan pemeliharaan alam sekitar dapat dicapai secara mampan demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan, pemantauan kualiti alam sekitar, pengurusan buangan terjadual serta kawalan pencemaran udara dan air. Pada masa yang sama, JAS turut memberi penekanan kepada pengukuhan kerjasama strategik bersama kementerian, agensi kerajaan, sektor industri, institusi pendidikan serta masyarakat dalam memupuk budaya tanggungjawab bersama terhadap kelestarian alam sekitar.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan pelbagai program pendidikan, kesedaran dan penyertaan awam (CEPA) yang menjadi platform penting dalam meningkatkan kefahaman serta penglibatan masyarakat terhadap isu-isu alam sekitar. Penyertaan aktif pelbagai lapisan masyarakat membuktikan bahawa usaha memelihara alam sekitar memerlukan komitmen kolektif dan tindakan bersama.

Penerbitan e-Buletin ini bukan sekadar mendokumentasikan aktiviti dan pencapaian Jabatan, malah menjadi cerminan dedikasi warga JAS dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Setiap kejayaan yang dicapai adalah hasil kerjasama, komitmen dan semangat kerja berpasukan seluruh warga Jabatan di semua peringkat.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JAS dan semua rakan strategik yang terus memberikan sokongan padu dalam menjayakan agenda kelestarian alam sekitar negara. Semoga segala usaha yang dilaksanakan akan terus membuahkan hasil yang bermanfaat dan memberi impak positif kepada rakyat serta negara.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

“Malaysia Madani”

Ketua Pengarah Alam Sekitar
Jabatan Alam Sekitar Malaysia
e-Buletin Bil. 2/2026



BENGGEL ANALISIS SPATIAL DALAM PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN ALAM SEKITAR



6-8 APRIL 2026, KUALA LUMPUR

Seksyen Geospasial, Bahagian Teknologi Maklumat, JAS Ibu Pejabat telah mengadakan Bengkel Analisis Spatial dalam Pemantauan dan Pengawasan Alam Sekitar yang telah berlangsung di Le Quadri, Kuala Lumpur.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk mengemas kini pelaporan tahunan aktiviti Geospasial JAS Negeri dan sebagai platform perkongsian ilmu daripada Penyelaras Geospasial JAS yang telah membina StoryMap dan Dashboard melalui aplikasi GeoSpAS untuk pemantauan dan penguatkuasaan alam sekitar.



Melalui bengkel ini juga, sebanyak tiga (3) kategori anugerah telah disampaikan kepada penerima yang menunjukkan prestasi cemerlang bagi tahun 2025. Senarai penerima adalah seperti berikut:

Penyelaras GIS Terbaik: Encik Mohd Sohaimin Bin Abdul Karim (JAS Pulau Pinang)
StoryMap Terbaik: Kebakaran Tapak Sampah Haram Sg. Purun & Sg. Tangkas (JAS Selangor)
Dashboard Terbaik: Sistem E-Penguatkuasaan EIA (JAS Pulau Pinang)

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang serta seluruh pihak yang terlibat dalam menjayakan bengkel ini. Diharapkan agar pegawai JAS akan lebih bersemangat untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang, berinovasi, dan berdaya saing dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan alam sekitar. Semoga anugerah ini menjadi pemangkin kepada pencapaian yang lebih gemilang pada masa hadapan.



BENGKEL PENILAIAN DAN PEMANTAPAN PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA) JAS

8-9 APRIL 2026, SHAH ALAM

Bahagian Komunikasi Strategik (BKS) telah menganjurkan Bengkel Penilaian dan Pemantapan Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) 2026 yang menghimpunkan pegawai-pegawai penyelarass CEPA Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari seluruh negara.

Halatuju Bengkel dan Mesyuarat Penilaian serta Pemantapan CEPA JAS 2026 telah diketengahkan melalui ucapan aluan oleh YBrs. Puan Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik dan ucapan dasar oleh YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS.





Bengkel ini menjadi platform strategik untuk menilai pencapaian CEPA 2025 serta memperkukuh pelaksanaan tahun 2026 agar lebih tersusun, berfokus dan berimpak tinggi. Penekanan diberikan kepada keperluan menilai secara telus pencapaian sedia ada, mengenal pasti jurang, serta merangka pendekatan baharu yang lebih inovatif dan relevan dengan cabaran semasa.

Bagi tahun 2026, pelaksanaan CEPA akan memfokuskan kepada tiga anjakan utama iaitu beralih daripada aktiviti kepada impak, daripada penyampaian maklumat kepada pembinaan kepercayaan, serta daripada pelaksanaan secara silo kepada kolaborasi strategik. Program-program seperti Hari Alam Sekitar Negara (HASN), Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) perlu diperkasa sebagai platform yang mampu membentuk perubahan tingkah laku masyarakat ke arah amalan lestari.



Selain itu, pendekatan komunikasi, pendidikan dan penglibatan masyarakat perlu diperkukuh melalui penggunaan teknologi digital, kandungan yang lebih berfakta dan mudah difahami, serta pemanfaatan platform seperti Environmental Data Library (EDL) bagi meningkatkan ketelusan dan kepercayaan awam.

Bengkel ini juga berperanan sebagai platform dua hala yang memberi ruang kepada pihak JAS negeri untuk mengemukakan isu serta cabaran dalam pelaksanaan program selain berkongsi pengalaman kejayaan pelaksanaan CEPA di negeri masing-masing.

Beberapa ketetapan penting turut dicapai hasil perbincangan bersama yang akan dimuktamadkan bagi memperkukuh pelaksanaan KPI 2026, selaras dengan usaha memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan terus cemerlang dan memberi impak kepada masyarakat.

BENGKEL SEMAKAN SEMULA PROSEDUR TETAP OPERASI (PTO) PENGURUSAN NOTIFICATION POLLUTION ALERT (NPE) SUNGAI DI BAWAH PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR (EQMP)

8 – 10 APRIL 2026, PUTRAJAYA

Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui Bahagian Air dan Marin telah menganjurkan Bengkel Semakan Semula Prosedur Tetap Operasi (PTO) Pengurusan Notification Pollution Alert (NPE) Sungai, iaitu sistem amaran awal pencemaran kualiti air sungai, di bawah Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Monitoring Programme, EQMP). Bengkel ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Cempaka, JAS Ibu Pejabat, Putrajaya.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Rosli bin Osman, Pengarah Bahagian Air dan Marin, JAS. Turut hadir ialah wakil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), iaitu Encik Mohammad Amin bin Mohd Hanifah dan Puan Norafiza binti Mohd Yunos, serta Dr. Abdul Rani Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. (PSTW), bersama pegawai-pegawai JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri dan PSTW.





Sepanjang tiga (3) hari berlangsungnya bengkel ini, tiga (3) sesi pembentangan telah dilaksanakan bagi memberi fokus kepada pemantapan pelaksanaan PTO NPE Sungai di bawah EQMP Edisi Kedua, kawalan pencemaran parameter Nitrogen Ammonia di loji rawatan air, penilaian kualiti air mentah, serta penambahbaikan teknikal melibatkan penentuan nilai ambang (threshold) dan extreme value bagi stesen pengawasan kualiti air sungai secara automatik.

Bengkel ini turut menjadi platform perbincangan teknikal bagi meneliti cadangan penambahbaikan had parameter, proses kerja dan carta alir NPE Sungai. Hasil perbincangan ini diharap dapat memperkukuh keberkesanan sistem amaran awal pencemaran serta meningkatkan keupayaan JAS dalam pengurusan kualiti air sungai secara lebih sistematik, proaktif dan bersepadu.

SIDANG MEDIA BERHUBUNG PELAKSANAAN OPERASI OPS HAZARD 3.0



YBhg. Dato' Sri Mohd Khalid bin Haji Ismail, Ketua Polis Negara bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS), KDNKA, AMLA dan LHDN telah mengadakan sidang media berhubung pelaksanaan Operasi Ops Hazard 3.0 yang dijalankan secara bersepadu pada 6 hingga 8 April 2026. Operasi ini merupakan usaha berterusan dalam membanteras jenayah alam sekitar, khususnya aktiviti haram melibatkan premis pemprosesan e-waste.

Operasi yang dilaksanakan serentak di seluruh Malaysia ini digerakkan dengan kekuatan seramai 203 pegawai JAS, melibatkan pemeriksaan ke atas 104 premis. Hasil operasi tersebut, sebanyak kira-kira 4,714.00 metrik tan (MT) e-waste berjaya disita dengan anggaran nilai RM23.79 juta.

JAS menegaskan bahawa sebarang aktiviti pengurusan buangan terjadual, termasuk e-waste, tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar (KPAS) merupakan satu kesalahan serius di sisi undang-undang. Berdasarkan pindaan terkini Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 2024, pesalah yang disabitkan boleh dikenakan denda maksimum sehingga RM10 juta dan hukuman penjara tidak melebihi lima (5) tahun.





Aktiviti penstoran dan pemprosesan e-waste tanpa kebenaran bukan sahaja melanggar peruntukan undang-undang, malah berpotensi menyebabkan pelepasan bahan pencemar berbahaya ke udara, air dan tanah. Keadaan ini boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan manusia serta menjejaskan kelestarian ekosistem.

JAS turut merakamkan penghargaan atas kerjasama erat semua pihak yang terlibat, khususnya Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP), serta Wildlife Crime Bureau (WCB) di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), serta agensi-agensi lain dalam menjayakan operasi ini.



SESI KONSULTASI MALAYSIA–JAPAN COOPERATION ON FLUOROCARBON MANAGEMENT BAGI PENGURUSAN KITARAN HAYAT REFRIGERAN (LIFE CYCLE REFRIGERANT MANAGEMENT)



15 APRIL 2026, TOKYO, JEPUN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menghadiri Sesi Konsultasi Malaysia–Japan Cooperation on Fluorocarbon Management, yang berlangsung dari 13 hingga 15 April 2026 di Tokyo, Jepun. Lawatan kerja teknikal ini merupakan jemputan rasmi daripada Ministry of the Environment, Japan (MOEJ) yang diadakan secara kerjasama melalui public-private cooperation dengan Daikin Industries, Ltd.

Delegasi JAS telah diketuai oleh Encik Ryan Ooi Chean Weai, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Perlindungan Ozon, Bahagian Udara, dan diiringi oleh pegawai – pegawai dari Seksyen yang sama terdiri dari Puan Farah Diyana binti Rusli, Encik Mohd Farhan bin Mohamad Hashim, serta Cik Nur Fatimah binti Mohamad Zainol.





Tujuan utama program ini adalah untuk memperkukuh kerjasama dua hala dalam pengurusan kitaran hayat refrigeran atau Lifecycle Refrigerant Management (LRM) yang tertumpu kepada pertukaran dan perkongsian maklumat-maklumat termasuk berkaitan strategi pengurusan menyeluruh refrigeran, mekanisme pengurusan sisa daripada peralatan yang mengandungi refrigeran di akhir hayatnya, program kompetensi juruteknik serta penguatkuasaan perundangan. Usaha ini adalah selaras dengan komitmen negara ke arah mencapai sasaran Net Zero 2050 serta merealisasikan konsep ekonomi kitaran bagi fluorokarbon dalam negara.

Sesi konsultansi dan libat urus strategik bersama MOEJ ini juga melibatkan penglibatan pihak-pihak berkepentingan lain yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan aktiviti khusus di dalam skop LRM. Antara pihak yang terlibat adalah Japan Refrigerants and Environment Conservation Organization (JRECO), JARAC, dan Home Appliance Association yang dapat membantu Malaysia untuk menggariskan keperluan negara dalam mengadaptasi kerangka perundangan yang lebih kukuh, disokong oleh garis panduan industri yang praktikal.

Melalui lawatan ke CREATE Reclamation Factory, delegasi berpeluang meninjau proses pemerolehan semula dan reklamasi refrigeran, termasuk penggunaan teknologi dalam pengurusanannya. Lawatan ke Pusat Latihan Daikin pula memberi pendedahan kepada modul latihan teknikal yang komprehensif bagi memastikan juruteknik dilengkapi dengan kemahiran pengendalian refrigeran secara selamat dan berkesan.

Secara keseluruhannya, lawatan kerja ini memberikan gambaran yang lebih jelas kepada JAS mengenai pelaksanaan pengurusan kitaran hayat refrigeran (LRM) secara praktikal yang diaplikasi di Negara Jepun yang boleh dipelajari untuk diaptasi pelaksanaannya di Malaysia. Dapatan dan pengalaman yang diperoleh akan dijadikan rujukan dalam merangka dasar pengurusan refrigeran yang lebih menyeluruh dan berkesan di Malaysia.

PROGRAM ENVIRO HIKING SEMPENA HARI BUMI 2026 "OUR POWER, OUT PLANET"



18 APRIL 2026, SEPANG

Dalam usaha menyemarakkan semangat cintakan alam dan menghayati keindahan khazanah semula jadi negara, Bahagian Komunikasi Strategik (BKS) Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama Rakan Alam Sekitar (RAS) sekali lagi telah menganjurkan Program Enviro Hiking bersempena sambutan Hari Bumi 2026 di Bukit 527, Sepang, Selangor. Program ini telah dirasmikan oleh KPPK Bahagian Komunikasi Strategik, Encik Helmi Bin Ahmad.



Program Enviro Hiking ini dianjurkan sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pemuliharaan alam sekitar melalui pendekatan rekreasi yang sihat dan lestari. Aktiviti ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup aktif, malah memberi peluang kepada peserta untuk lebih menghargai keindahan alam semula jadi serta memahami tanggungjawab bersama dalam memelihara ekosistem.

Seiring dengan tema tahun 2026, "Our Power, Our Planet", penekanan diberikan kepada peranan setiap individu sebagai agen perubahan dalam memastikan kelestarian bumi terus terpelihara.

Program seumpama ini diharap dapat diteruskan bagi membolehkan sebaran berkaitan kesedaran alam sekitar dipertingkatkan bagi memastikan ianya menjadi pencetus kepada amalan gaya hidup yang lebih sihat dikalangan warga Malaysia.



SEMINAR “PARADIGMA AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS) 1974: SATU SUARA, SATU MISI, ALAM LESTARI”

21- 22 APRIL 2026, BANGI

Kelab Kebajikan Dan Sukan (KESAS) Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan Seminar “Paradigma AKAS 1974: Satu Suara, Satu Misi, Alam Lestari” pada 21- 22 April 2026 di Bangi Avenue Convention Center (BACC) bersempena dengan Hari Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Tahun 2026. Seminar tersebut telah disertai oleh lebih 500 peserta dan 19 pempamer dari pihak industri, syarikat juru runding dan pembekal teknologi khususnya dalam bidang kawalan pencemaran alam sekitar. Kertas pembentangan seminar menekankan aspek penguatkuasaan, perundangan, pematuhan serta transformasi industri ke arah menyokong usaha mengekalkan kelestarian alam sekitar.

Seminar ini menampilkan barisan penceramah berpengalaman yang berkongsi kepakaran dan perspektif strategik daripada Bahagian Penguatkuasa, JAS iaitu YBrs. Tuan Haji Rosli bin Zul dan Encik Ahmad melalui pembentangan bertajuk Compliance Unlocked: Mengupas Pematuhan AKAS 1974 di Kalangan Industri dan Transformasi Penguatkuasaan Melalui Pengukuhan Perundangan. Turut memeriahkan sesi perkongsian ialah daripada Galaxy Tech Solution Sdn Bhd yang menyentuh Pembudayaan ESG sebagai pemangkin kecemerlangan industri, serta daripada Malaysian Association of Registered Energy Managers & Energy Auditors (MAREMA) yang mengupas aspek Sustainable Energy Management. Seminar diteruskan dengan pembentangan dari Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) mengenai Implementasi Teknologi Hijau dalam Industri dan sesi perkongsian industri oleh Daikin Malaysia Sdn. Bhd., yang berkongsi pengalaman pematuhan dan amalan terbaik dari perspektif industri.





Selain itu, seminar turut memfokuskan kepada pengukuhan kompetensi, pematuhan perundangan serta pemudahcaraan industri ke arah kelestarian, melalui pembentangan oleh Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) bertajuk Pembangunan Kompetensi Orang Yang Berwibawa: Tips Kecemerlangan dan Kejayaan Industri, dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dengan tajuk Menuju Industri Selamat & Mesra Alam: Keperluan OSHA 1994, dan dari Pegawai Undang-Undang JAS melalui sesi Pematuhan atau Penalti: Dari Lensa Mahkamah. Seminar turut mengetengahkan pembentangan daripada JAS mengenai Transformasi Digital JAS: Ke Arah Pemudahcara Pematuhan Industri oleh JAS dan Revolusi Industri Hijau: Dari Amalan ke Budaya. Dalam usaha mempromosikan konsep ekonomi kitaran, seminar turut melibatkan Yayasan Hijau Malaysia dalam pembentangan bertajuk Circular Economy: Building New Wealth, Managing Old Waste dan Malaysian Investment Development Authority (MIDA) melalui topik Insentif Kerajaan untuk Pematuhan Alam Sekitar.



Dari perkongsian ilmu, perbahasan perundangan, hingga kepada inovasi industri, seminar ini menghimpunkan pelbagai perspektif dalam memperkukuh pelaksanaan AKAS 1974 sebagai tunjang utama pengurusan alam sekitar negara. Setiap sesi membuka ruang kepada pemahaman yang lebih jelas tentang kepentingan pematuhan, penguatkuasaan dan tanggungjawab bersama dalam memastikan alam sekitar terus terpelihara.



JAS akan terus komited untuk meningkatkan pematuhan AKAS 1974 melalui pendekatan yang tegas dan berkesan. Namun begitu, usaha ini memerlukan sokongan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak khususnya industri, juru runding, Orang Yang Berwibawa (OYB) serta semua pemegang taruh bagi memastikan kelestarian alam sekitar selaras dengan kemajuan pembangunan dan perindustrian Negara.




MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI (SAM) TAHUN 2026

22 APRIL 2026, RAWANG

Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung, Rawang telah dipilih secara rasmi sebagai Sekolah Angkat Madani (SAM) 2026 di bawah penyelarasan Jabatan Alam Sekitar. Sejumlah RM 100,000.00 diperuntukkan dan akan disalurkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) berdasarkan skop perbelanjaan yang telah digariskan dalam Garis Panduan.

Sehubungan itu bagi mengenalpasti skop projek yang sesuai dilaksanakan di sekolah ini, satu mesyuarat penyelarasan yang dipengerusikan oleh YBrs. Pn. Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, JAS telah diadakan secara dalam talian. Mesyuarat telah dihadiri pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor (PPD), JAS Negeri Selangor serta guru-guru SK Bukit Beruntung.

Diharapkan inisiatif ini dapat memberi impak positif dalam membentuk generasi yang lebih peka terhadap penjagaan alam sekitar dan gaya hidup lestari selaras dengan aspirasi MADANI.



PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI 2026



29 APRIL 2026, RAWANG

Persiapan awal bagi pelaksanaan Program Sekolah Angkat MADANI 2026 terus diperkukuh menerusi mesyuarat beserta lawatan tapak yang telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung, Rawang, Selangor.

Mesyuarat ini menghimpunkan kerjasama strategik antara Jabatan Alam Sekitar (JAS) selaku penyelaras program, wakil Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hulu Selangor serta pihak pengurusan sekolah bagi memastikan perancangan program dapat dilaksanakan secara teratur, berkesan dan berimpak tinggi.

Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, JAS, Puan Nor Aziah binti Jaafar. Dalam sesi yang sama, pembentangan kertas kerja berkaitan skop projek telah disampaikan oleh wakil sekolah selaku penyelaras program, Puan Rozana binti Rosmin.

Selain itu, sesi lawatan ke tapak projek di dalam kawasan sekolah turut diadakan bagi meninjau kesesuaian lokasi, keperluan pelaksanaan serta aspek teknikal secara langsung. Pendekatan ini penting dalam memastikan kesiapsiagaan program berada pada tahap optimum.

Secara keseluruhannya, mesyuarat dan lawatan tapak ini mencerminkan komitmen serta sinergi erat antara semua pihak dalam menjayakan Program Sekolah Angkat MADANI 2026 demi manfaat warga sekolah dan kelestarian alam sekitar.





BENGKEL PENYELARASAN DAN PENGUKUHAN ICT TAHUN 2026 BAGI JABATAN ALAM SEKITAR



28 – 30 APRIL 2026, KUALA LUMPUR

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan dan Pengukuhan ICT Tahun 2026 bagi Jabatan Alam Sekitar (JAS) di Melia Hotel, Kuala Lumpur. Bengkel ini dihadiri oleh 34 orang peserta termasuk Pengarah, Ketua-Ketua Unit dan Pegawai daripada BTM serta Pegawai dan Wakil ICT daripada JAS Negeri termasuk Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS).


Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk memperkukuh dan memperkasa pembangunan sistem aplikasi, infrastruktur, serta tadbir urus ICT JAS. Selain itu, para peserta turut didedahkan dengan trend teknologi terkini menerusi sesi technology update yang memfokuskan kepada keselamatan siber dan infrastruktur ICT.

Dalam sesi yang sama, BTM telah menyampaikan taklimat mengenai program-program yang sedang dan bakal dilaksanakan di bawah perancangan Peruntukan Pembangunan RMKe-13 serta Peruntukan Mengurus tahun 2026 dan tahun 2027. Taklimat keseluruhan sistem aplikasi juga turut diberikan kepada peserta memandangkan terdapat pertukaran pegawai ICT di BTM dan juga di JAS Negeri.

Penganjuran bengkel ini diharapkan dapat menjadi platform utama dalam menyelaraskan dan merealisasikan agenda strategik ICT JAS merangkumi aspek aplikasi, infrastruktur, mahupun tadbir urus. Komitmen dan sinergi padu daripada seluruh warga kerja digital JAS bakal memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan, sekali gus memacu kelancaran operasi jabatan di peringkat pusat dan negeri demi mendepani cabaran era teknologi masa hadapan.



SESI LIBAT URUS PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PEWAKILAN KUASA KEPADA AGENSI KERAJAAN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN PERBADANAN) 2025 - PENYEDIAAN SOP SITAAN, PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN EKSIBIT



4-6 MEI 2026, PUTRAJAYA

Jabatan Alam Sekitar telah menganjurkan Sesi Libat Urus Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa Kepada Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Perbadanan) 2025 - Penyediaan SOP Sitaan, Penyimpanan Dan Pelupusan Eksibit. Sesi libat urus ini diadakan bertujuan untuk menyelaraskan Terma Rujukan (TOR) Operasi Bersepadu, memperkemas Prosedur Operasi Bersepadu dan menyediakan Memorandum Persefahaman (MOU) bagi pelaksanaan operasi bersepadu terutama melibatkan pengurusan eksibit sisa elektrik dan elektronik atau e-waste.



Perasmian sesi libat urus ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Dr. Pubadi A/L Govindasamy, Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Alam Sekitar (BPAS), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Sesi Libat urus ini turut dihadiri oleh Yang Berusaha Encik Mahadi bin Sukarno, Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Dasar Alam Sekitar BPAS, Yang Berusaha Tuan Hj. Rosli bin Zul, Pengarah Bahagian Penguatkuasa JAS Ibu Pejabat, pegawai-pegawai JAS Ibu Pejabat dan Negeri, Agensi Penguatkuasa seperti Pasukan Gerakan Am (PGA) PDRM, Pasukan Polis Marin PDRM, Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram Biro Kawalan Jenayah Hidupan Liar (WCB) atau Wildlife Crime Bureau, Agensi Kawalan Dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

SESI LIBAT URUS SEMAKAN SEMULA PELAN KONTINGENSI TUMPAHAN MINYAK MALAYSIA (MOSCoP) SIRI 1/2026

6 & 7 MEI 2026, PUTRAJAYA

Bahagian Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) telah menganjurkan Sesi Libat Urus Semakan Semula Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Malaysia (MOSCoP) Siri 1/2026 yang telah berlangsung di Menara PETRA, Putrajaya. Perasmian sesi libat urus ini telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Rosli bin Osman, Pengarah Bahagian Air dan Marin, JAS.

Sesi libat urus ini turut melibatkan penyertaan aktif daripada pelbagai agensi kerajaan dan pihak swasta yang juga merupakan ahli Jawatankuasa Operasi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (NOSC).

Sesi libat urus yang telah dihadiri oleh seramai 53 orang terdiri daripada pegawai-pegawai Agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Luar Negara (KLN), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan agensi ahli NOSC, pihak swasta seperti Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group (PIMMAG) serta pegawai-pegawai JAS Ibu Pejabat selaku pihak urus setia.



Semakan semula MOSCoP siri pertama ini memfokuskan kepada agenda untuk menambah baik dokumen MOSCoP sedia ada berdasarkan jurang (gaps) yang telah dikenal pasti melalui penilaian Readiness Evaluation Tool for Oil Spills (RETOS) pada tahun 2025 yang telah dipermudahcara oleh wakil daripada ITOPF. Keperluan semakan semula dokumen MOSCoP ini dilihat sangat penting dan perlu dilaksanakan segera bagi memastikan setiap keputusan tindak balas yang diambil dapat diseimbangkan antara faedah alam sekitar dengan potensi impak kolateral bagi memastikan pemulihan ekosistem berlaku dengan kadar paling optimum.

MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI ALAM SEKITAR (MEXCOE) BIL. 1/2026



7 MEI 2026, PUTRAJAYA

YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) menanggung tugas Ketua Pengarah Alam Sekitar (JAS) telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) Bilangan 1 Tahun 2026 yang dipengerusikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup pada 7 Mei 2026 di Hotel Zenith Putrajaya.

Mesyuarat yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YBhg. Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd. Zainudin serta barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio alam sekitar dari seluruh Negeri, menjadi platform bagi mengukuhkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memperkasakan pengurusan alam sekitar serta membincangkan dasar dan inisiatif ke arah pembangunan yang lebih mampan.





Dalam mesyuarat tersebut, YBrs. Tuan Haji Rosli bin Zul, Pengarah Bahagian Penguatkuasa JAS telah membentangkan kertas pertimbangan berhubung keperluan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan menyeluruh terhadap premis-premis yang menjalankan aktiviti pemprosesan e-waste secara haram di negeri masing-masing. Antara langkah yang dipersetujui termasuk tindakan merobohkan premis haram serta pelaksanaan tindakan rampasan tanah ke atas premis yang terlibat dalam aktiviti berkenaan.



Selain itu, beliau turut membentangkan kertas permakluman mengenai status insiden pembakaran terbuka dan langkah-langkah mitigasi yang telah serta sedang dilaksanakan susulan keadaan cuaca panas dan kering yang melanda negara. Mesyuarat mengambil maklum mengenai pelaksanaan pelbagai tindakan pencegahan termasuk pengaktifan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK), pemantauan titik panas secara berterusan, rondaan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) serta penggunaan teknologi dron bagi pemantauan kawasan berisiko tinggi.

Kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri amat signifikan dalam memastikan isu-isu alam sekitar dapat ditangani secara holistik, berkesan dan berterusan demi menjamin kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan generasi masa hadapan selaras dengan aspirasi pembangunan negara.

PROGRAM JOM BACA 10 MINIT

15 MEI 2026, PUTRAJAYA



Perpustakaan Enviro Digital@JAS telah menganjurkan program perkongsian ilmu bertajuk "Remaja Hari Ini: Fahami Apa Yang Mereka Sembunyikan" bersempena Program Jom Baca Bersama 10 Minit Tahun 2026.

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Sesi perkongsian ilmu tersebut telah disampaikan oleh Cik Puteri Intan Diyana binti Azhar, Psikologis Perkembangan, yang berkongsi mengenai kepentingan memahami dunia remaja melalui empati, komunikasi yang berkesan dan sokongan yang betul dalam membantu perkembangan mereka secara sihat dan positif.

Program ini dijalankan secara hibrid dengan penyertaan warga JAS Ibu Pejabat secara fizikal, manakala warga JAS Negeri serta orang awam turut mengikuti program secara atas talian.

Terima kasih diucapkan kepada semua peserta atas penglibatan dan sokongan yang diberikan sepanjang program berlangsung. Semoga program seperti ini dapat terus memberi manfaat dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap cabaran serta keperluan golongan remaja masa kini.





KAJIAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) BERKAITAN PENGUATKUASAAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DALAM PROSES PEMERIKSAAN DAN KELULUSAN KEMASUKAN KONTENA MELIBATKAN E-WASTE DI NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL, PULAU PINANG

21 MEI 2026, BUTTERWORTH

Suruhanjaya Penguatkuasaan (EAIC) telah melaksanakan satu sesi perbincangan strategik bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang, yang disusuli dengan lawatan kajian lapangan di North Butterworth Container Terminal (NBCT), Pulau Pinang. Lawatan tersebut disertai oleh Tuan Badlishah Bin Ahmad, Pengarah JAS Negeri Pulau Pinang, Ts. Dr. Azlan Bin Ahmad, Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya JAS Ibu Pejabat serta pegawai-pegawai kanan JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri Pulau Pinang. Turut hadir bersama adalah pengurusan tertinggi daripada agensi rakan strategik termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Pulau Pinang, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) serta Penang Port Sdn. Bhd.





Pelaksanaan kajian lapangan ini menggunakan pendekatan berasaskan bukti (evidence-based) dan menyeluruh bagi memastikan setiap penilaian yang dibuat mencerminkan realiti sebenar pelaksanaan penguatkuasaan di lapangan. Objektif utama program ini adalah untuk meneliti secara langsung keseluruhan rantai proses pemeriksaan serta kelulusan kemasukan kontena yang melibatkan buangan sisa elektrik dan elektronik (e-waste). Di samping itu, ia bertujuan mengenal pasti isu pelaksanaan, cabaran operasi, serta potensi jurang tadbir urus yang memerlukan penambahbaikan melalui syor-syor strategik di peringkat dasar mahupun operasi nasional.

JAS Negeri Pulau Pinang mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua agensi rakan strategik atas kerjasama padu yang diberikan demi menjaga keselamatan sempadan serta memelihara kelestarian alam sekitar negara.



MALAYSIA-SINGAPORE JOINT COMMITTEE ON THE ENVIRONMENT EXPERT GROUP (MSJCE EG) ON VEHICULAR EMISSIONS

MALAYSIA DAN SINGAPURA PERKUKUH KERJASAMA MELALUI MSJCE EG ON VEHICULAR EMISSIONS

21 MEI 2026, JOHOR

Malaysia melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) selaku tuan rumah telah menganjurkan Mesyuarat Malaysia-Singapore Joint Committee on the Environment Expert Group (MSJCE EG) on Vehicular Emissions pada 21 Mei 2026 di Negeri Johor. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan bersama oleh Tuan Haji Rosli bin Zul, Pengarah Bahagian Penguatkuasa yang menjalankan tugas Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JAS, dan Puan Tan Li Yen, Group Director, Clean Environment Group, National Environment Agency (NEA) Singapura.

Mesyuarat ini menjadi platform penting bagi Malaysia dan Singapura untuk membincangkan serta berkongsi maklumat dan pengalaman dalam menangani isu-isu alam sekitar yang mempunyai kepentingan bersama, khususnya berkaitan kawalan pelepasan kenderaan. Perbincangan turut merangkumi aspek piawaian pelepasan kenderaan, teknologi, penguatkuasaan, usaha-usaha kawalan serta alternatif lain dalam mengurangkan pencemaran pelepasan kenderaan bagi meminimumkan kesannya terhadap alam sekitar dan kesihatan awam.





Delegasi Malaysia yang menghadiri mesyuarat tersebut terdiri daripada pengarah-pengarah dan pegawai JAS daripada Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Udara, Bahagian Air dan Marin, Bahagian Bahan Berbahaya, Bahagian Komunikasi Strategik, EiMAS serta JAS Negeri Johor. Turut hadir ialah delegasi Singapura daripada Ministry of Sustainability and the Environment (MSE) dan NEA Singapura.

Kerjasama dua hala ini diharap dapat terus memperkukuh usaha serantau dalam melindungi alam sekitar demi kesejahteraan masyarakat dan generasi akan datang.



PERTANDINGAN MEWARNA KANAK-KANAK SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2026



4 JUN 2026, PUTRAJAYA

Suasana penuh warna-warni dan ceria mewarnai pengumuman Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2026 anjuran Jabatan Alam Sekitar bertempat di Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar Putrajaya.

Program ini berjaya menghimpunkan kanak-kanak yang kreatif dan berbakat dalam menghasilkan karya bertemakan alam sekitar, sekali gus menyemai kesedaran tentang kelestarian alam sekitar.

Pemenang telah menerima hadiah yang disampaikan oleh Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, YBrs. Pn. Nor Aziah binti Jaafar.



MESYUARAT GERAK KERJA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026

12 JUN 2026, MELAKA

Mesyuarat Gerak Kerja Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka yang dipengerusikan oleh Dr. Pubadi A/L Govindasamy, Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Pengarah Komunikasi Strategik Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka serta pegawai-pegawai kanan Jabatan serta pegawai JAS Negeri Melaka.



Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan perancangan awal, penyelarasan gerak kerja serta cadangan pengisian program sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Kebangsaan Tahun 2026. Perbincangan turut memberi tumpuan kepada pelaksanaan aktiviti yang berupaya meningkatkan penglibatan pemegang taruh dalam agenda pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar.

Sambutan HASN merupakan platform penting dalam memperkukuh kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dan meningkatkan rasa tanggungjawab bersama terhadap pemeliharaan alam sekitar serta menggalakkan penyertaan pelbagai pihak dalam menyokong usaha pembangunan mampan negara demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.



PROGRAM TURUN PADANG YBHG. DATUK WIRA KSU NRES KE PELABUHAN KLANG

12 JUN 2026, PORT KLANG

Komitmen NRES dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan dan keberkesanan penguatkuasaan alam sekitar terus diperkasa menerusi program turun padang YBhg. Datuk Wira Anis Rizana Mohd Zainudin, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Beliau mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan dan Pengoperasian Pejabat Baharu JAS Cawangan Pelabuhan Klang, yang antara lain memberi tumpuan kepada isu lambakan kontena sisa elektronik (e-waste) di kawasan tersebut bagi memastikan intervensi yang tepat, tersusun dan teratur dapat dilaksanakan dengan segera.

Turut hadir dalam program turun padang ini Datuk Nor Yahati Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam) NRES, Puan Azuri Azizah Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS, Tuan Haji Rosli Zul, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JAS, Dato' Haji Wandī Yadzid Haji Yaakob, Pengarah JAS Negeri Selangor serta pengurusan tertinggi NRES, JAS, Datuk Nik Ezanee bin Mohd Faisal, Komander AKPS, Datuk Fazlisyam bin Abdul Majid, AMLA PDRM, Pengarah Kastam Negeri Selangor, Tuan Mohamad Azhar bin Ahmad Paharazi, wakil daripada MOT, LPK dan Westports.



**MADA
BEKER**





Isu lambakan kontena e-waste di Pelabuhan Klang telah lama menjadi kebimbangan serius memandangkan potensinya untuk mencemarkan alam sekitar dan mengancam kesihatan awam sekiranya tidak ditangani dengan segera dan sistematik.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam pengurusan bahan berbahaya dan toksik, NRES melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) menegaskan komitmennya untuk memastikan setiap kontena e-waste yang dikenal pasti diproses, dilupuskan atau dipulangkan mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, termasuk Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan berkaitan.

Mesyuarat penyelarasan ini menjadi platform penting bagi pengurusan atasan NRES dan JAS mengenal pasti kekangan operasi, memperkemas mekanisme penguatkuasaan serta mempercepatkan tindakan pembersihan tapak. Pendekatan turun padang oleh kepimpinan tertinggi ini mencerminkan kesungguhan NRES dalam memastikan penyelesaian yang bukan sekadar bersifat reaktif, malah berasaskan pemantauan lapangan yang teliti dan keputusan yang tepat sasaran.

Semoga usaha bersepadu ini secara langsung akan dapat memperkasakan tadbir urus alam sekitar yang cekap, responsif dan berkesan demi kesejahteraan rakyat serta kelestarian alam sekitar negara.





OPS HAZARD 3.0: TINDAKAN TEGAS TERHADAP E-WASTE HARAM!



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

STATISTIK OPS HAZARD 3.0

6 - 8 APRIL 2026

MELIBATKAN SERBUAN
TERHADAP

11
NEGERI

KEANGGOTAAN
JAS

203
ORANG



RAMPASAN E-WASTE

4,714 MT

dengan anggaran nilai

RM 23.79 JUTA



104
PREMIS
DISERBU

KATEGORI PREMIS DISERBU

57 premis yang bukan ditetapkan

35 premis barang lusuh

11 premis berlesen di bawah JAS

1 premis gudang

TINDAKAN
DI BAWAH AKAS 1974



33

PREMIS

PENAHANAN OPERASI
KELENGKAPAN (POK)



140

NOTIS ARAHAN

SEKSYEN 31 DAN 37
(77 PREMIS)

101

KOMPAUN
(25 PREMIS)

137

PERTUDUHAN UNTUK
PENDAKWAAN (59 PREMIS)

KESALAHAN
DI BAWAH AKAS 1974

Seksyen 16 Gagal mematuhi syarat lesen JAS

Seksyen 18 Premis beroperasi tanpa lesen JAS

Seksyen 19 Gagal mendapatkan kebenaran bertulis Ketua Pengarah Alam Sekitar

Seksyen 34A Gagal mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA)

Seksyen 34B Menempatkan buangan terjadual tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar

PERINGATAN!

Aktiviti pengurusan buangan terjadual, termasuk e-waste, tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar adalah satu kesalahan serius di bawah AKAS 1974



HUKUMAN MAKSIMUM

Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, pesalah boleh dikenakan :



DENDA MAKSIMUM
RM 10 JUTA



PENJARA SEHINGGA
5 TAHUN

MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK JEREBU DAN CUACA KERING KEBANGSAAN BIL. 1/2026

15 JUN 2026, PUTRAJAYA

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bil. 1/2026 yang diadakan secara hibrid dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, di Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Putrajaya.

JAS diwakili oleh YBr. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) yang menjalankan tugas Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia, YBr. Encik Ryan Ooi Chean Weai, Ketua Penolong Pengarah Kanan yang menjalankan tugas Pengarah Bahagian Udara, serta pegawai-pegawai Bahagian Udara. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan dengan pengurusan jerebu dan cuaca kering, manakala wakil Jabatan Alam Sekitar Negeri dan Kerajaan Negeri menyertai mesyuarat secara dalam talian.

Mesyuarat membincangkan status terkini cuaca dan kualiti udara negara, tindakan dan strategi pencegahan pembakaran terbuka serta langkah kesiapsiagaan agensi-agensi berkaitan dalam menghadapi cuaca kering dan kemungkinan berlakunya pencemaran jerebu rentas sempadan.



SESI PENERANGAN DARI DELEGASI JAPAN AUTOMOBILE STANDARDS INTERNATIONALIZATION CENTRE (JASIC), BERSAMA MOTORCYCLE & SCOOTER ASSEMBLERS AND DISTRIBUTORS ASSOCIATION OF MALAYSIA (MASAAM) BERKENAAN STATUS SEMASA GERAK KERJA PEMBANGUNAN DRAF UNR40-03 – PEMBANGUNAN STANDARD PELEPASAN EURO 4 BAGI MOTOSIKAL BAHARU DI BAWAH PERATURAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU NOMBOR 40 (UNITED NATION REGULATIONS 40)



16 JUN 2026,
PUTRAJAYA

Sesi penerangan berkenaan status gerak kerja semasa bagi draf UNR40-03 oleh delegasi-delegasi dari Japan Automobile Standards Internationalization Centre (JASIC), dengan kehadiran pegawai-pegawai teknikal dari persatuan Motorcycle & Scooter Assemblers and Distributors Association of Malaysia (MASAAM) telah diadakan di Bilik Ixora, Bahagian Udara, JAS Ibupejabat. Sesi penerangan tersebut telah dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Encik Ryan Ooi Chean Weai, Menanggung Tugas Pengarah Bahagian Udara dan pegawai-pegawai dari Seksyen Kenderaan Motor, Bahagian Udara. Turut hadir ke sesi penerangan tersebut adalah pegawai teknikal dari Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute (MARii).



Malaysia kini melaksanakan standard pelepasan motosikal pada tahap Euro 4 berdasarkan Global Technical Regulations (GTR). Sehubungan itu, perkembangan pembangunan standard pelepasan enjin Euro 4 bagi motosikal baharu di bawah UNR-40, iaitu Peraturan PBB (UNR – United Nations Regulation) yang menjadi rujukan JAS dalam penetapan standard pelepasan motosikal, adalah penting bagi memastikan penyelarasan rujukan JAS kepada Peraturan UN. Status terkini mengenai pembangunan standard tersebut telah dibentangkan oleh delegasi JASIC dalam sesi ini.

Dalam sesi penerangan ini, pihak JAS mengambil maklum berkenaan status terkini program pembangunan UNR40.03 tersebut dan pihak JAS sentiasa menyokong sebarang pelaksanaan atau pembangunan program yang menjurus kepada pelepasan ekzos kenderaan yang lebih bersih.



BENGKEL ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) MENGGUNAKAN PLATFORM GOOGLE GEMINI



18-19 JUN 2026, PUTRAJAYA

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah berjaya menganjurkan Bengkel Artificial Intelligence (AI) menggunakan platform Google Gemini di Bilik Latihan ICT, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya. Bengkel yang dirasmikan oleh YBrs. Puan Mukhtaroh Binti Osman, Pengarah BTM ini melibatkan penyertaan seramai 34 orang wakil pegawai dari setiap bahagian di Ibu Pejabat JAS.



Bengkel ini telah dikendalikan oleh penceramah dan fasilitator yang dilantik oleh Bahagian Inkubator Digital (BID), Kementerian Digital iaitu Puan Kalaiselvi a/p Chirupalan dari Perpustakaan Negara Malaysia serta Puan Nadiahnazurah binti Ismail dari Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.

Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan latihan praktikal, selain membudayakan inovasi digital berasaskan AI dalam tugas sehari-hari di JAS. Fokus utama adalah memanfaatkan Generative AI, khususnya Google Gemini, bagi meningkatkan produktiviti kerja, pengurusan maklumat, penyediaan dokumen, analisis data, serta automasi tugas pejabat.



Antara pengisian utama bengkel merangkumi:

- Asas Gemini & Integrasi Menyeluruh GWS bagi Pengenalan kepada AI@Work, ekosistem Google Workspace;
- Anatomi "Power Prompt" iaitu Membina arahan berkesan menggunakan elemen: Persona, Tugas (Task), Konteks, dan Format.
- Latihan Praktikal GWS, Gems & Studio;
- Sesi Hands-On bagi Prompt Engineering;
- Penghasilan Media & Canvas;
- Evolusi Video dengan Google Vids; dan
- NotebookLM Deep Dive.

Melalui bengkel ini, para peserta turut diberikan tugas berkumpulan untuk menukar proses kerja manual sedia ada kepada Automasi Aliran Kerja (Workflow Automation) yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti output kerja dengan signifikan.

Bengkel ini wajar diteruskan pada masa hadapan demi menerajui transformasi digital sektor awam serta menyokong aspirasi pendigitalan negara.

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS




PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS



BIL 47/2

Reinventing Water and Wastewater Systems



A critical and insightful look at the past, present, and future state of water and wastewater services in response to the worldwide water crisis foreseen by many experts, Reinventing Water and Wastewater Systems presents practical solutions for making drinking water more affordable and available, as well as strategies for improving water sanitation to satisfy the demands of a growing global population.




PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS



BIL 25/20

The Enemy of Nature



In this revolutionary indictment of capitalism, Joel Kovel criticizes its unrelenting pressure to expand, and its destructiveness toward ecology. Kovel also criticizes existing ecological politics for their evasion of capital, and advances a vision of ecological production as the successor to capitalist production.




PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS



BIL 33/

ENVIRONMENTAL REGULATION IN THE NEW GLOBAL ECONOMY

The Impact on Industry and Competitiveness



Environmental managers and regulators of national and international environmental agencies will find Environmental Regulation in the New Global Economy of great interest, as will, academics and students of economics, environmental management, business studies, geography and international relations.

More Info : www.eimas.doe.gov.my



PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS



BIL 25/20

WATER INSTITUTIONS


POLICIES, PERFORMANCE AND PROSPECTS

It is being increasingly realised that water is likely to be one of the most critical resource issues for the first half of the twenty-first century. Accelerating demand for water for various uses and user groups and ineffective measures to address - ter quality decline from point and non-point sources of pollution, have made water management more complex and difficult than ever before in human history.

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Environmental Politics



At every stage, environmental policy is the result of the combat of stakeholders interested in, and affected by, the problem being addressed and the range of possible solutions. The combatants include any or all of the following: the federal government, environmental advocacy groups, and business, the media, the scientific community, think tanks, NGOs of every stripe, trade associations and professional organizations, and even state and local governments, each of whom have their own interests in the resulting policy.

3D-Groundwater

Modeling with PMWIN

EDITION 02

A Simulation System for Modeling Groundwater Flow and Transport Processes



WEN-HSING CHIANG

3D-Groundwater Modeling with PMWIN

Second Edition

Springer

BY: WEN-HSING CHIANG

MARINE POLLUTION

The market leading textbook in marine pollution now in its fifth edition. The problems of pollution in the seas worldwide are explained clearly, unemotionally, and authoritatively. This book is designed as an introductory textbook, but no particular knowledge is demanded of the reader; it can be used by engineers, economists, lawyers, or environmentalists who need to be informed about the effects of materials which are deliberately or accidentally discharged into the sea.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

www.eimas.doe.gov.my

BIL 43/2026

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

AIR

Toxic Risk Assessment and Management

Focusing on the multidisciplinary nature of risk assessment, this book pulls together vital information, from both the science and engineering aspects of performing air toxic risk assessment, and combines them with the practical concerns involved to provide a comprehensive look at this complex process. Clearly drawn examples, practical exercises, and an extensive list of related resources are included, making this book an excellent learning tool as well as a valuable quick-reference resource

MORE INFO : WWW.EIMAS.DOE.GOV.MY

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS


**PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS**

BIL 06/2026

Environmental Risk Assessment Reports

A Practical Guide to Understanding, Managing and Reviewing Environmental Risk Assessment Reports provides team leaders and team members with a strategy for developing the elements of risk assessment into a readable and beneficial report. The authors believe that successful management of the risk assessment team is a key factor is quality reports. Leadership first clarifies the roles of each participant and the unique technical factors of their respective disciplines.


MORE INFO : www.eimas.doe.gov.my



In an investment climate characterized by rapidly increasing access to information, sorting legitimate financial advice, grounded in traditional analysis, from the constant stream of useless information, or "noise," is difficult. Let author Richard Bernstein guide you through the "noise" and show you where and how to find solid investment information. Order your copy of *Navigate the Noise* today and transform today's surplus of investment information into a high-level investment strategy.

**PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS**

ISOTOPES IN THE WATER CYCLE




Environmental isotope and nuclear techniques provide unmatched insights into the processes governing the water cycle and its variability under past and present climates. This monograph is recommended to advanced students and specialists and presents historical perspective, state of the art applications and new developments of isotopes in hydrology, environmental disciplines and climate change studies.

MORE INFO : www.eimas.doe.gov.my

**PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS**

Soils and Groundwater Pollution and Remediation

Soils and Groundwater Remediation explores the toxic levels of metals, radionuclides, inorganics, and anthropogenic organic compounds found in the soils and groundwater of Asia, Africa and Oceania. This 14 chapter book reviews the distribution, transformation, and dynamics of the pollutants. The authors also reflect on the impact of Acid-rain.



Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS


PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS BIL.31/2026

Transforming Human Resource Management In Meeting The Challenges Of The Next Millennium



This publication focuses on strategic approaches to HR, adapting to new technologies, and managing organizational changes to meet future demands. It addresses essential shifts in public and private sector human capital development

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS




A Companion to Environmental Philosophy

A Companion to Environmental Philosophy is a pioneering work in the burgeoning field of environmental philosophy. This ground-breaking volume contains thirty-six original articles exemplifying the rich diversity of scholarship in this field.

More Info

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

HANDBOOK OF ENVIRONMENTAL PROTECTION AND ENFORCEMENT




Environmental Enforcement Authorities (EEAs), sometimes called Environmental Protection Agencies (EPAs), are the regulatory, monitoring and enforcement agencies of national, state/provincial and local governments worldwide responsible for implementing, monitoring and enforcing environmental legislation.

MORE INFO :
www.eimas.doc.gov.my

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS BIL.27/2026

Use of Biomarkers for Environmental Quality Assessment


Biomarkers as tools for environmental quality assessment; history - biological basis of the use of biomarkers in ecotoxicology; biochemical indicators of pollution in coastal ecosystems: experience of the Groupe Interface Chimie-Biologie des Ecosystemes Marins (GICBEM); application of EROD in marine fish in a multidisciplinary surveillance programme in the North Sea; use of EROD and PAH distribution in marine organisms; use of EROD enzymatic activity in freshwater fish; biomarkers of exposure of terrestrial plants to pollutants: application to metal pollution; endocrine biomarkers: hormonal indicators of sublethal toxicity in fishes use of retinoids as biomarkers; molecular, genetic and population bases of insect resistance to insecticides.




More Info :
www.eimas.doc.gov.my

Koleksi Buku di Perpustakaan EiMAS dan Ibu Pejabat JAS

**Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan
Kelestarian Alam
Aras 1, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana,
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 - 8871 2000
Faks : 03 - 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727**



**Perpustakaan
Institut Malaysia Alam Sekitar (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Latitud : 2.9255121 Longitud : 101.7883249
Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/ 03-
89261368/ 03-89250873/ 03-89261369
Faks: 03-8926 1700**





EARTH DAY

WORD SEARCH



I	I	C	O	D	M	E	B	T	V	B	G	I	D	A	J	N	J
N	V	R	E	D	H	H	N	H	N	F	A	W	D	E	B	B	G
S	R	R	S	I	P	N	C	V	C	Q	W	X	W	C	H	V	T
E	A	A	T	C	M	O	R	E	I	L	M	D	E	O	C	C	K
C	D	N	I	E	S	O	L	P	D	R	I	C	P	S	T	D	L
T	P	H	P	N	J	U	G	L	S	V	O	M	V	Y	M	R	B
S	F	R	F	L	F	H	R	A	I	W	L	N	A	S	Y	P	W
H	P	A	Y	G	A	O	P	U	D	N	N	N	M	T	L	P	P
W	R	K	I	E	E	N	R	Y	X	E	A	R	M	E	E	G	R
O	E	L	A	A	P	W	E	E	B	M	T	T	O	M	N	H	O
C	S	T	N	R	L	R	C	T	S	V	U	I	O	D	I	T	T
W	O	U	I	T	A	J	Y	O	Y	T	R	C	L	R	C	K	E
K	U	A	M	H	N	I	C	B	W	B	E	R	E	U	S	E	C
J	R	Q	A	P	T	P	L	G	C	X	P	Y	Q	C	B	R	T
O	C	G	L	P	S	M	E	B	Z	R	I	C	B	I	N	I	W
C	E	T	S	L	S	G	M	H	A	B	I	T	A	T	S	X	I
Q	S	C	O	N	S	E	R	V	A	T	I	O	N	S	O	E	R
Z	X	G	K	X	N	N	Y	Y	A	H	S	V	F	N	D	S	F
G	A	O	P	V	T	O	C	E	A	N	S	B	X	D	X	U	L
H	O	U	P	Y	Q	V	Z	C	Y	R	E	D	U	C	E	N	Z

ANIMALS

CARE

CLIMATE

CONSERVATION

EARTH

ECOSYSTEM

ENVIRONMENT

HABITATS

INSECTS

NATURE

OCEANS

PLANET

PLANTS

POLLINATORS

PROTECT

RAINFOREST

RECYCLE

REDUCE

RESOURCES

REUSE



**Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727**

www.doe.gov.my

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

